Barisan Pelapis PDRM (page 2 of 2)

SEBAHAGIAN 71 pegawai perintis Kor Sukarelawan Siswa Polis (Suksis) Universiti Utara Malaysia (UUM) bersorak gembira selepas menerima sijil tamat latihan.

menyarankan PDRM bekerjasama dengan UUM untuk mewujudkan Suksis selaras dengan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) tentera yang ditubuhkan di IPTA sebelumnya.

Bertolak dari situ, kumpulan pertama seramai 71 anggota Suksis dipilih di kalangan pelajar tahun satu.

Antara objektif penubuhan Suksis ialah untuk memberikan latihan kepolisian dan pendedahan kepada pelajar di IPTA dengan harapan mereka dapat menimba berpengalaman dalam bidang undang-undang dan penguatkuasaan, bersikap terbuka dengan disiplin polis serta mematuhi perintah dan arahan.

Di samping selain menyediakan barisan pelapis PDRM di masa depan, Suksis akan melahirkan pelajar yang mempunyai ketahanan fizikal dan mental serta personaliti yang berjaya di akhir tempoh pengajian masing-masing.

Keanggotaan Suksis dibuat berdasarkan format pemilihan pengambilan anggota polis dan pegawai biasa dengan menitikberatkan aspek fizikal dan pelajar tahun satu. Mereka akan ditemuduga oleh lembaga pemilih, lulus tapisan keselamatan dan jenayah serta disahkan sihat tubuh badan. Program untuk kor Suksis dijalankan dalam dua pendekatan, iaitu program jangka pendek antara setahun hingga empat tahun dang kang panjang empat tahun ke 10 tahun.

Kaedah ini dilaksanakan untuk memudah dan melicinkan perjalanan kor Suksis di UUM dalam menghadapi perkembangan kemajuan kepolisian dan seiring dengan Wawasan 2020.

UUM/PR/2009/UM/15-07-2008/p.2(1)